

TERMA DAN SYARAT MAYBANK QRPAY SOUNDBOX – Integrasi & Penggunaan

1.0 PENDAHULUAN

Terma dan Syarat ini ("T&S") menentukan penggunaan Maybank QRPay Soundbox ("Peranti") yang disediakan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) ("Maybank") kepada peniagaannya ("Peniaga").

Maybank telah melantik vendor yang dibenarkan ("Vendor") untuk menguruskan penghantaran, penggunaan, penyelenggaraan dan menyediakan sokongan teknikal berkaitan Peranti kepada Peniaga. Maybank tidak menjual, menghantar dan menyediakan sokongan teknikal untuk Peranti kepada Peniaga.

Dengan membeli, memasang atau menggunakan Peranti, Peniaga dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma yang dinyatakan di sini.

2.0 INTEGRASI PIHAK KETIGA

- 2.1 Peranti disepadukan dengan perkhidmatan pihak ketiga yang disediakan oleh Vendor. Penyepaduan ini penting kepada kefungsi Peranti dengan mendayakan kemas kini transaksi masa nyata dan pemberitahuan audio segera bagi memastikan peniaga menerima makluman segera selepas pembayaran.
- 2.2 Penyepaduan yang dijalankan adalah Penyepaduan API Tempat Jualan (POS) dan mungkin melibatkan pertukaran data transaksi atau operasi yang berkaitan yang diperlukan untuk pelaksanaan perkhidmatan. Dengan menggunakan perkhidmatan ini, Peniaga mengakui dan bersetuju dengan pertukaran data tersebut sebagai syarat untuk penyediaan perkhidmatan.

3.0 PERSETUJUAN DAN KEBENARAN YANG DIANGGAP TELAH DIBERIKAN

- 3.1 Dengan membeli atau mengaktifkan Peranti, Peniaga secara nyata membenarkan dan bersetuju dengan penyepaduan dan pengendalian sistem Vendor seperti yang digariskan di atas.
- 3.2 Tiada tandatangan fizikal atau manual yang diperlukan. Pembelian atau penggunaan Peranti merupakan penerimaan penuh terma dalam T&S ini dan kebenaran untuk penyepaduan tersebut.
- 3.3 Peniaga boleh mengaktifkan Peranti melalui salah satu daripada kaedah berikut:
 - a. Dengan menghubungi Vendor yang ditetapkan untuk bantuan pengaktifan; atau
 - b. Dengan melakukan pengaktifan sendiri Peranti melalui portal pihak ketiga atau vendor yang ditetapkan, tertakluk kepada penyediaan maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor siri Peranti dan ID Peniaga (MID), seperti yang dinyatakan dalam portal semasa proses pengaktifan.

4.0 YURAN PENYELENGGARAAN & WARANTI

- 4.1 Peranti ini tertakluk pada yuran penyelenggaraan tahunan, yang termasuk sokongan teknikal, kemas kini sistem dan kesinambungan perkhidmatan. Sebagai tambahan kepada yuran penyelenggaraan tahunan, penggunaan berterusan Peranti dan perkhidmatan akan dianggap sebagai penerimaan sebarang bayaran lain yang mungkin timbul akibat daripada penyelenggaraan Peranti, yang akan ditentukan oleh Vendor dan akan ditanggung oleh Peniaga.
- 4.2 Waranti untuk Peranti disediakan oleh Vendor dan sah selama satu (1) tahun dari tarikh pembelian ("Tempoh Waranti").
- 4.3 Waranti adalah terpakai secara khusus pada sistem dan/atau komponen dalaman Peranti. Waranti tidak termasuk, dan tidak terhad kepada yang berikut
 - Kelembapan atau penembusan cecair.



- Haus dan lusuh, termasuk kerosakan yang berlaku akibat daripada terjatuh, penyalahgunaan Peranti, dsb.
- Campur tangan tanpa kebenaran, seperti pembaikan atau pengubahsuaian yang dilakukan oleh pihak yang tidak dibenarkan.

5.0 PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN DATA

- 5.1 Maybank dan Vendor hendaklah mematuhi semua undang-undang perlindungan data yang terpakai dan melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai bagi melindungi data Peniaga dan pelanggan.
- 5.2 Dengan menggunakan Peranti, Peniaga bersetuju untuk data diproses sedemikian yang diperlukan untuk penyediaan perkhidmatan.

6.0 HAD LIABILITI

- 6.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan langsung, tidak langsung atau sampingan yang berlaku akibat daripada penggunaan Peranti, termasuk tetapi tidak terhad kepada gangguan perkhidmatan, kehilangan data atau kegagalan sistem pihak ketiga.
- 6.2 Peniaga hendaklah menanggung rugi dan memastikan Maybank bebas daripada dan terhadap semua tuntutan, kerugian, kerosakan, liabiliti, penalti, ganti rugi punitif, perbelanjaan, yuran guaman yang munasabah, dan kos yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan penggunaan, penyalahgunaan atau kerosakan Peranti.

7.0 PINDAAN

- 7.1 Maybank berhak untuk mengubah suai, mengemas kini, atau menyemak Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa setelah pemberian notis awal 21 hari. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada Peniaga melalui e-mel atau saluran komunikasi rasmi. Penggunaan berterusan Peranti selepas kemas kini sedemikian membentuk penerimaan T&S yang disemak.

8.0 PENAMATAN

- 8.1 Maybank berhak untuk menggantung atau menamatkan penggunaan Peranti jika Peniaga gagal mematuhi Terma ini, termasuk yuran yang tidak dibayar.
- 8.2 Selepas penamatan, Peniaga tidak boleh memindahkan, menjual atau memajak Peranti kepada mana-mana pihak ketiga.

9.0 PENGAKUAN

- 9.1 Dengan membeli atau menggunakan Peranti, Peniaga mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat di atas.
- 9.2 T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan "TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN MUDAH ALIH MAYBANK QRPAYBIZ – UNTUK PENIAGA" dan kedua-dua terma dan syarat akan mengikat Peniaga untuk penggunaan perkhidmatan Maybank QRPayBiz.